

Cadangan Tajuk Penyelidikan

PROFAL KEMISKINAN DAN PENILAIAN PENYERTAAN PENDUDUK DALAM POLISI PEMBANGUNAN DI NEGERI SABAH

1. Pengenalan

Kemiskinan merupakan fenomena sosial yang bersifat universal dan berlaku hampir di semua negara termasuk Negara Maju. Di Malaysia, pelbagai usaha telah digemblingkan oleh kerajaan bagi menangani isu kemiskinan sejak merdeka lagi. Hasilnya, insiden kemiskinan secara umumnya berkurang dari 8.5 peratus pada tahun 1999 kepada 5.7 peratus bagi tahun 2004 (Rancangan Malaysia Ke-Sembilan, 2006: 350). Walau bagaimanapun, negeri Sabah masih menjadi antara tiga negeri yang termasuk dalam senarai negeri yang mempunyai tahap kemiskinan tertinggi iaitu 23.0 peratus.

Terdapat beberapa kajian yang telah diusahakan untuk melihat isu kemiskinan di negeri ini misalnya kajian oleh kumpulan penyelidik Institute Development Studies (IDS) dan penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah, namun profail menyeluruh penduduk miskin negeri ini masih belum dikumpulkan secara berterusan dan sistematik. Persoalannya, siapakah penghuni miskin di negeri ini? Apakah pekerjaan yang lazim dilakukan oleh penduduk miskin ini dan mengapa mereka masih miskin meskipun usaha telah dilakukan kerajaan bagi membasmi kemiskinan? Justeru itu, penyelidikan ini merupakan usaha untuk membina pangkalan data yang akan memperinci profail golongan miskin di kawasan luar bandar dan bandar yang terpilih di Sabah. Kajian ini juga akan menilai polisi-polisi dan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan yang melibatkan penyertaan golongan miskin ini khususnya.

2. Objektif Penyelidikan

- i. Menyediakan satu pangkalan data dan profail serta tahap kemiskinan penduduk di kawasan luar bandar dan bandar utama di negeri Sabah
- ii. Mengenalpasti masalah-masalah dan halangan-halangan yang dihadapi oleh penduduk miskin yang menyebabkan mereka kekal miskin dalam sektor ekonomi dan pekerjaan yang mereka sertai
- iii. Menilai keberkesanan polisi pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan ke atas golongan miskin di Sabah
- iv. Menilai sejauhmana polisi pembangunan yang sedia ada mampu diperbaiki untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin dan boleh membasmi kemiskinan

3. Sub-tema penyelidikan di bawah tajuk utama di atas:

A. Kemiskinan Penduduk Luar Bandar di Sabah

KEMISKINAN PENDUDUK LUAR BANDAR DI SABAH		
Sektor Ekonomi/Perkerjaan	Cadangan Lokasi Kajian	Catatan
1. Penanam Padi Bukit	Kota Marudu & Kudat	
2. Penanam Padi Sawah	Kota Belud, Kota Marudu & Tuaran	
3. Pertanian Sara Diri	Nabawan & Long Pasia	
4. Pekebun Kecil Getah	Ranau & Tawau	
5. Penanam Sayur	Kundasang	
6. Komuniti Nelayan	Pitas	
7. Pekerja Ladang Kelapa Sawit	Tawau, Sandakan & Lahad Datu	
8. Pekebun Kecil Koko	Tawau & Lahad Datu	
9. Pekebun Kecil Kelapa	Semporna & Kudat	
10. Komuniti Pulau	Pulau Banggi, Pulau Sebatik, Pulau Bum-Bum	
11. Nutritional and Health Status of people in rural and urban poverty.	Lokasi akan dipilih oleh Dr Yasmin.	Dr Yasmin, SSMP

B. Kemiskinan di Kalangan Penduduk Bandar Di Sabah

KEMISKINAN PENDUDUK BANDAR DI SABAH		
Kawasan Penempatan/Perkerjaan	Cadangan Lokasi Kajian	Catatan
1. Komuniti Setinggalan	Perkampungan Setinggalan di Sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau	
2. Kawasan Penempatan Pelarian (UNHCR)	Kinarut & Telipok	
3. Komuniti Kampung Air	Sembulan, Mengkabong, Pulau Gaya Semporna	
4. Penempatan Rumah Kongsi Buruh Binaan	Kawasan Pembinaan (e.g. Borneo Hyper Mall dll) di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau	
5. Penempatan Bilik Sewa Rumah Kedai Dalam Bandar	Di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu	
6. Penempatan Perumahan Kos Rendah (misalnya flat)	Pusat Bandaraya Kota Kinabalu, Bandar Sandakan & Bandar Lahad Datu	